


(Untuk Kegunaan Orang Bukan Islam Sahaja)

## Presidensi Kawasan Asia Disusun Semula

Hong Kong



Presidensi Kawasan Asia Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir telah disusun semula dengan [Elder David P. Homer](#) sebagai Presiden Kawasan yang baharu, berkuatkuasa pada 1 Ogos 2021.

Elder Homer menggantikan Presiden Kawasan sebelumnya, Elder David F. Evans yang, bersama isterinya Mary, telah kembali ke Amerika Syarikat. [Elder Peter F. Meurs](#) akan melayani sebagai penasihat pertama dalam Presidensi dan [Elder Benjamin M. Z. Tai](#) menyertai presidensi sebagai penasihat kedua yang baharu.

Sebagai [Penguasa Umum Tujuh Puluh](#) Gereja, Elders Homer, Meurs dan Tai lazimnya mengunjungi seluruh [Kawasan](#) untuk memperkuat, melatih dan menggalak para ahli, pemimpin dan penganjur Gereja. Dalam keadaan COVID semasa, Presidensi meluangkan banyak masa mereka melakukan hal-hal ini melalui teknologi.

“Dalam dunia hari ini,” kata Presidensi Kawasan Asia, “ramai yang mencari harapan, kedamaian dan tujuan hidup. Kami tahu dengan mengembangkan iman kepada Yesus Kristus, dan mengikuti Dia, ini boleh terjadi.”

Presidensi menganggap ini satu kesempatan untuk bergaul dengan para ahli, pemimpin dan rakan di 22 negara atau wilayah.

“Kami mengasihi Asia dan orang-orang di sini,” kata mereka. “Ini merupakan peluang istimewa bagi kami melayani bersama dalam kapasitas ini. Kami merasakan kasih Tuhan yang mendalam untuk semua anak-Nya dan ingin melakukan peranan kami untuk membantu kasih itu memberkati lebih banyak kehidupan.”